

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

Tahun Kebangkitan Kita: Dari Pemulihan ke Kemunculan Semula



TAN SRI DR LIM WEE CHAI
Pengerusi Eksekutif

LIM CHEONG GUAN
Pengarah Urusan

Salam sihat dan sejahtera para pihak berkepentingan.

TK2025 merupakan tahun penentu bagi Kumpulan: satu tempoh kebangkitan dan pembaharuan. Top Glove mencapai pengembalian yang cemerlang kepada keuntungan teras pada suku kewangan pertama, mengekalkan momentum positif ini dan mengakhiri tahun dengan kejayaan yang membanggakan.

Di sebalik landskap pasaran yang tidak menentu akibat ketidakpastian tarif, tekanan persaingan dan peningkatan kos operasi, Kumpulan menunjukkan daya ketahanan yang luar biasa. Hasilnya: peningkatan ketara dalam Pendapatan Jualan, pertumbuhan Volum yang pesat, serta Keuntungan yang kukuh; petunjuk yang jelas bahawa perniagaan telah memperoleh semula kekuatan dan kemajuannya.

Kebangkitan kami telah diperoleh dengan penuh perjuangan. Ia dibina melalui ketekunan, keazaman dan disiplin. Ini merupakan hasil dedikasi kakitangan kami, yang teguh memberi tumpuan terhadap penambahbaikan kualiti dan kecekapan kos, yang telah memacu usaha kami. Kami berjaya memanfaatkan pemulihan permintaan sarung tangan, terutamanya dari pasaran Amerika Syarikat (A.S.) selepas pelaksanaan tarif, yang mendorong peningkatan Volum Jualan serta penggunaan.

Kami memandangi masa depan dengan penuh keyakinan dan harapan. Asas jangka panjang industri sarung tangan kekal mantap, disokong oleh permintaan global sarung tangan yang berterusan dan kesedaran kebersihan yang semakin meningkat. Walaupun dinamik perdagangan yang berubah-ubah menimbulkan cabaran jangka pendek kepada industri, kami kini berasaskan kekukuhan daya tahan operasi, lokasi kemudahan pengeluaran yang strategik dan pelanggan yang pelbagai di seluruh dunia. Kini, kami melangkah ke hadapan dengan asas yang kukuh. Kami bersedia untuk membina atas kejayaan semasa untuk mencapai pertumbuhan mampan, pada TK2026 dan seterusnya.

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

PERBINCANGAN & ANALISIS PIHAK PENGURUSAN

Memanfaatkan Momentum untuk Mencapai Hasil

Pada TK2025, Kumpulan meneruskan trajektori menaik, menjadikan permintaan sarung tangan yang pulih kepada pertumbuhan yang bermakna dan prestasi yang kukuh. Pendapatan Jualan meningkat kepada RM3.5 bilion, peningkatan sebanyak 39% berbanding tahun sebelumnya. Manakala Keuntungan Selepas Cukai mengukuh kepada RM123 juta, lonjakan yang mengagumkan sebanyak 674% tahun-ke-tahun dan PATAMI meningkat kepada RM105 juta, peningkatan sebanyak 262% berbanding TK2024. Selaras dengan aliran meningkat ini, Volum Jualan berkembang sebanyak 55%.

Momentum positif Kumpulan didorong oleh permintaan sarung tangan yang lebih kukuh dan kecekapan operasi yang lebih baik, disokong oleh usaha berterusan dalam penambahbaikan kualiti dan pengoptimuman kos yang meneguhkan asas perniagaan. Pengurusan kos yang berdisiplin turut menjadi kunci kepada penetapan harga kompetitif, mendorong Volum

Jualan dan meningkatkan kadar penggunaan sehingga kira-kira sebanyak 75% daripada kapasiti operasi berjalan pada bulan Ogos 2025. Sementara itu, peningkatan operasi serta trend bahan mentah yang menggalakkan telah membantu menampung kesan penyusutan nilai Dolar A.S.


Kumpulan mencatat pertumbuhan Volum Jualan yang kukuh di semua rantau sepanjang tahun. Jualan ke A.S. melonjak sebanyak 148%, mencerminkan momentum yang diperbaharui, manakala Eropah Barat dan Timur masing-masing mencatatkan pertumbuhan dua angka yang mantap, sebanyak 33% dan 74%. Di Asia, Jualan meningkat sebanyak 20%, memperkukuh lagi kehadiran global Kumpulan yang semakin berpelbagai. Secara kolektif, trend tersebut digabungkan dengan volum jualan yang lebih tinggi dan peningkatan margin, telah meningkatkan prestasi keseluruhan sementara meletakkan Kumpulan pada kedudukan yang lebih kukuh.

Peningkatan Pencapaian Prestasi serta **Volum Jualan dan Pertumbuhan mengikut Rantau** Kumpulan bagi TK2025 dirumuskan dalam rajah-rajah berikut.

PENINGKATAN PENCAPAIAN PRESTASI BAGI TK2025


PENDAPATAN JUJALAN

RM' JUTA




EBITDA/(LBITDA)

RM' JUTA & %




KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI

RM' JUTA



PATAMI/(LATAMI)


RM' JUTA



NISBAH HUTANG BERSIH

KALI


(Tunai dan Bank + Dana Pasaran Wang + Sekuriti Hutang - Jumlah Pinjaman - Suku Perpetual) / Ekuiti Pemegang Saham



* Bagi memastikan perbandingan yang lebih baik, Suku Perpetual berjumlah RM1.18 bilion telah diambil kira sebagai pinjaman dan bukannya ekuiti pada 31 Ogos 2023 dan 31 Ogos 2024.

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

VOLUM JUALAN DAN PERTUMBUHAN MENGIKUT RANTAU BAGI TK2025



PEMBANGUNAN KORPORAT

Langkah Strategik demi Masa Depan yang Lebih Kukuh

Seiring dengan kemajuan kewangan yang ketara, Kumpulan juga menandakan beberapa pencapaian korporat penting yang memperkukuh tadbir urus, mengoptimumkan struktur modal dan memajukan penciptaan nilai jangka panjang.

Memperkukuh Ahli Lembaga Pengarah

Seiring dengan komitmen terhadap tadbir urus yang mantap, Kumpulan mengalu-alukan kehadiran Puan Emelia Matrahah ke dalam Lembaga Pengarah. Dengan pengalaman luas dan pandangan yang bernas, beliau memperkukuh kedalaman kepimpinan kami. Pada masa yang sama, Kumpulan merakamkan penghargaan kepada Dr Ngo Get Ping yang telah berundur daripada jawatan beliau setelah menabur khidmat dengan penuh dedikasi dan memberikan sumbangan yang bernilai selama ini. Dengan peralihan ini, perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah kini berada pada tahap membanggakan iaitu 44%, mengekalkan rekod cemerlang Kumpulan yang melebihi penanda aras amalan terbaik sebanyak 30%.

Menyampaikan Nilai untuk Pemegang Saham

Pengisytiharan Dividen Akhir

Selepas kembali mencatat keuntungan pada TK2025, Kumpulan dengan sukacitanya mengisytiharkan dividen akhir bebas cukai sebanyak 0.48 sen sesaham yang berjumlah RM38.5 juta secara keseluruhan, sambil mengekalkan keseimbangan antara pulangan kepada pemegang saham dan pelaburan semula bagi menyokong pertumbuhan berterusan. Dividen ini akan dibayar pada 15 Disember 2025.

Penyelesaian Terbitan Waran Bonus

Pada awal tahun, Kumpulan telah menyelesaikan terbitan bonus sebanyak 400,883,626 waran, yang disenaraikan di Bursa Securities pada 14 Februari 2025 dan di SGX-ST pada 20 Februari 2025. Waran tersebut yang boleh dilaksanakan dalam tempoh lima tahun, mencerminkan keyakinan Kumpulan terhadap masa depan serta komitmen berterusan untuk menjana nilai jangka panjang bagi para pelabur.

Mengoptimumkan Modal dan Pembiayaan

Kumpulan berjaya menerbitkan *Sukuk Senior* 5 tahun yang bernilai RM800 juta pada Februari 2025, mendahului penebusan *Sukuk Perpetual* yang bernilai RM1.18 bilion. Penerbitan tersebut menerima sambutan kukuh daripada pelabur, dengan jumlah tempahan sebanyak RM2.65 bilion dan kadar lebihan langganan sebanyak 3.3 kali. Pembiayaan semula ini bukan sahaja mengurangkan kos pembiayaan, malah turut memperkukuh lembaran imbalan kami, menghasilkan penggearan bersih yang lebih sihat pada 0.06 kali, selaras dengan hala tuju Kumpulan untuk terus menurunkan nisbah penggearan.

Menjana Nilai daripada Aset Bukan Teras

Bagi terus memperkukuh struktur modal, Kumpulan telah menjana nilai daripada beberapa aset bukan teras yang terpilih melalui pelupusan tanah tidak digunakan di Lembah Klang. Inisiatif ini mengurangkan penggearan dan beban hutang, memberikan fleksibiliti kewangan yang lebih besar untuk meneroka peluang pertumbuhan masa depan.

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

Meraih Pengiktirafan Global: Menanda Pencapaian, Merayakan Kecemerlangan

Top Glove berasa bangga diiktiraf atas pencapaian dalam pelbagai aspek ESG, mencerminkan keupayaan kami untuk menyesuaikan diri, berinovasi dan mencapai kecemerlangan dalam pasaran yang dinamik. Lebih daripada sekadar pengiktirafan, pencapaian ini menegaskan komitmen kami untuk membina perniagaan yang bertanggungjawab, inklusif dan berkekalan.

Tersenarai dalam *Top 5 Malaysian PLCs* serta *Top 50 ASEAN PLCs* di **ASEAN Corporate Governance Conference and Awards (CGCA) 2025**, anjuran ASEAN Capital Markets Forum, iaitu kumpulan pengawal selia pasaran modal daripada kesemua 10 negara ASEAN.

Dinaikkan kepada penarafan "AA" dalam **MSCI (Morgan Stanley Capital International) ESG Ratings** pada 27 Oktober 2025, meletakkan kami dalam 22% teratas syarikat global dalam industri *Health Care Equipment & Supplies* di bawah MSCI All Country World Index, serta berada di peringkat tertinggi bagi *Human Capital Development*.

Tersenarai dalam 10% teratas syarikat penjagaan kesihatan global bagi prestasi ESG menurut **FTSE (Financial Times Stock Exchange) Russell ESG Scores**. Dalam penilaian terkini pada Jun 2025, kami mengekalkan skor cemerlang sebanyak 4.1 daripada 5.0 setahap dengan skor tahun sebelumnya, melebihi skor purata industri 2.6.

Menandakan tahun ke-6 berturut-turut kami tersenarai dalam **Dow Jones Sustainability Indices (Emerging Markets)**, berada di kalangan 3% teratas daripada 244 syarikat di seluruh dunia dalam industri *Health Care Equipment & Supplies* dalam S&P's Global Corporate Sustainability Assessment setakat 18 Julai 2025.

Tersenarai dalam **S&P (Standard & Poor's) Global Sustainability Yearbook 2025** untuk tahun ke-4 berturut-turut, berada di antara 15% syarikat terkemuka dalam industri dan merupakan satu-satunya syarikat Malaysia yang mewakili sektor *Health Care Equipment & Supplies* dalam edisi tahun ini.

Mendapat pengiktirafan tertinggi dalam **Sustainalytics' ESG Risk Ratings**, menduduki tempat pertama dalam subindustri *Medical Supplies* (60 syarikat) dan tempat ke-8 dalam kumpulan industri *Healthcare* (563 syarikat) setakat 28 Februari 2025.

Memenangi *Gold Award* bagi *Responsible Manufacturing* dalam kategori *Environmental (Large Companies)* di **ESG Positive Impact Awards 2024**, anjuran The Star Media Group pada 15 Julai 2025.

Mengekalkan kedudukan dalam **Bloomberg GE Scores 2024** untuk tahun ke-3 berturut-turut, dengan peningkatan skor, mencerminkan komitmen berterusan terhadap memupuk keterangkuman di tempat kerja dan kesaksamaan jantina.

Mencapai skor 10% teratas dalam **ISS (Institutional Shareholder Services) ESG Corporate Rating**, memperolehi status berprestij 'Prime' atas prestasi kelestarian yang cemerlang.

Pada 19 Jun 2025, tersenarai untuk tahun ke-2 berturut-turut dalam senarai **Southeast Asia 500** yang berprestij anjuran majalah Fortune, yang menampilkan syarikat-syarikat terbesar di rantau ini berdasarkan pendapatan TK2024.

Diiktiraf sebagai salah satu daripada 3 syarikat teratas ASEAN dalam kategori *Manufacturing* di **ASEAN Business Awards (ABA) 2025**, yang berlangsung sempena ASEAN Business and Investment Summit 2025 di Kuala Lumpur.

Dianugerahkan *Platinum Trusted Brand Award* dalam kategori *Hygiene/Disposable Gloves* berdasarkan undian pengguna di **Reader's Digest Malaysian Trusted Brand 2025**, untuk tahun ke-3 berturut-turut. Mencerminkan kecemerlangan berterusan dan ekuiti jenama yang kukuh, Top Glove mengatasi rakan setaranya dengan margin 25%, dalam 6 atribut utama iaitu Kebolehpercayaan dan Kredibiliti, Kualiti, Nilai, Pemahaman terhadap Keperluan Pelanggan, Inovasi dan Tanggungjawab Sosial.

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan



▲ Acara Top Glove Run 2024 yang diadakan pada 1 Disember 2024

MENERAPKAN KELESTARIAN DALAM SETIAP USAHA

Kelestarian kekal menjadi teras kepada strategi dan budaya perniagaan Kumpulan, membentuk kemajuan merentasi inisiatif Penyelidikan & Pembangunan (R&D), Kejuruteraan dan pembangunan Modal Insan serta mencipta nilai jangka panjang untuk para pemegang kepentingan.

R&D: Inovasi untuk Kemampanan Kemajuan

Di 6 Pusat R&D kami di Malaysia dan Thailand, Kumpulan terus memacu inovasi mampan melalui 4 bidang tumpuan utama:

<p>Peneraju Produk</p> <p>Membangunkan penyelesaian kelengkapan pelindung diri (KPD) termasuk sarung tangan nitril bebas pencepat bagi meminimumkan risiko alahan, siri sarung tangan nitril boleh terbiodegradasi Biogreen®, serta KPD khusus untuk aplikasi penjagaan kesihatan dan makanan & minuman.</p>	<p>Penambahbaikan Proses</p> <p>Reka bentuk acuan sarung tangan yang canggih, kawalan kualiti dalam talian dan automasi, bagi meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kecacatan produk.</p>	<p>Penilaian Kitar Hayat (LCA)</p> <p>Memanfaatkan pandangan daripada kajian LCA kami untuk mengurangkan jejak karbon melalui proses cekap tenaga, penambahbaikan formulasi, serta pembungkusan lestari.</p>	<p>Perkhidmatan Ujian Dalaman</p> <p>Memperkasa keupayaan ujian dalaman bagi mempercepat maklum balas pelanggan dan pematuhan peraturan, disokong oleh pencapaian kekayaan intelektual yang kukuh termasuk menduduki tempat ke-2 negara dalam pemfailan paten pada tahun 2020.</p>
---	--	---	---

Beroperasi melalui model inovasi kolaboratif yang menggabungkan pembekal, pelanggan, dan pasukan dalaman, Kumpulan memastikan setiap inisiatif R&D menghasilkan nilai yang boleh diukur melalui peningkatan kualiti, kecekapan kos dan kemampanan. Dengan menerapkan pertimbangan persekitaran dan prestasi pada setiap peringkat inovasi, Kumpulan bukan sahaja memenuhi keperluan pasaran yang berkembang malah turut membantu membentuk masa depan pembuatan yang bertanggungjawab.

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

Kejuruteraan: Memperkasa Kecekapan dan Kemampanan

Pasukan kejuruteraan kami terus memacu kecemerlangan operasi melalui pelbagai inisiatif yang mengurangkan kos, menyokong pengeluaran mampan dan memperkukuh matlamat hijau Kumpulan. Bidang tumpuan utama termasuk:

<p>Kecekapan Operasi</p> <p>Pengaktifan semula dan pengoptimuman berterusan rangkaian pengeluaran untuk meningkatkan kapasiti operasi berjalan sambil memperkukuh kecekapan dan keberkesanan kos.</p>	<p>Pengurusan Tenaga & Utiliti</p> <p>Konfigurasi talian pemanasan terarah bagi menyelaraskan penggunaan gas asli sehingga 10%; langkah penjimatan elektrik dilaksanakan untuk mengurangkan caj permintaan maksimum; dan penjana solar diteruskan di bumbung kilang kami untuk penjimatan tambahan.</p>	<p>Kelestarian Air</p> <p>Inisiatif kitar semula air diperluaskan dan kapasiti loji rawatan air ditingkatkan, mengurangkan penggunaan air perbandaran sebanyak 6% sambil membekalkan lebih banyak air kitar semula secara dalaman.</p>	<p>Integrasi Digital & Kecerdasan Buatan (AI)</p> <p>Peningkatan Sistem Kamera <i>AI Vision</i> bagi mempertingkat ketepatan pengesanan kecacatan produk; penyepaduan sistem <i>Copilot</i> dan agen ke dalam aliran kerja bersama platform kecerdasan data untuk memaksimumkan produktiviti pekerja; dan pengembangan difitalisasi rantaian bekalan melalui pelaksanaan sistem kebolehejajak <i>Honest Mark</i> untuk pasaran terpilih.</p>
--	--	---	---

Sumber Manusia: Memupuk Pertumbuhan dan Memperkasa Bakat Masa Depan

Kami terus melabur dalam inisiatif yang memupuk pembangunan, kesejahteraan serta kesiapsiagaan masa depan para pekerja, sejajar dengan kepercayaan kami bahawa kekuatan Kumpulan terletak pada kakitangan kami. Inisiatif utama termasuk:

<p>Pembelajaran Berterusan</p> <p>Latihan tertumpu untuk mempromosikan pertumbuhan berterusan dan pembangunan profesional.</p>	<p>Kesejahteraan & Kesihatan Mental</p> <p>Ceramah dan kempen kesedaran, dengan tumpuan kepada kesihatan mental dan kesejahteraan holistik, bagi menyokong gaya hidup seimbang dan sihat.</p>	<p>Penglibatan Pekerja & Semangat Berpasukan</p> <p>Pelbagai aktiviti penglibatan pekerja termasuk Majlis Makan Malam Penghargaan Tahunan, <i>Top Glove Run</i>, dan kejohanan sukan yang memupuk semangat kekitaan dan kerjasama di semua peringkat.</p>	<p>Saluran Pembangunan Bakat</p> <p>Memperkukuh kerjasama dengan institusi pengajian tinggi tempatan melalui MOU bagi membina pemimpin masa depan dan memenuhi keperluan tenaga kerja yang berkembang; serta beralih kepada sistem HRIS (Sistem Maklumat Sumber Manusia) baharu yang menggabungkan fungsi utama ke dalam satu platform yang cekap kos, meningkatkan aksesibiliti dan mempermudah proses utama.</p>
---	--	--	---

Inisiatif R&D, Kejuruteraan dan pembangunan Sumber Manusia kami bersama-sama mencerminkan pendekatan holistik terhadap kemampanan, yang menggabungkan inovasi dengan tanggungjawab, serta memperkasakan tenaga kerja untuk memacu perubahan positif. Dengan menerapkan prinsip-prinsip ini dalam setiap aspek perniagaan, kami terus menjana nilai, membina daya tahan dan mewujudkan asas yang kukuh untuk masa depan yang lebih baik.

Impak Kelestarian

<p>Produk yang lebih selamat dan cekap kos untuk pelanggan</p>	<p>Tenaga kerja yang terlibat dan disokong, serta bersedia menghadapi masa depan</p>
<p>Pengurangan pelepasan, penggunaan air yang dioptimumkan, pengurangan sisa dan peningkatan kecekapan operasi</p>	<p>Hasil ESG yang bermakna untuk pelanggan, pelabur, pengawal selia dan komuniti</p>

Untuk pandangan yang lebih komprehensif mengenai usaha kelestarian kami, sila rujuk kepada bahagian **Creating Sustainable Value** di halaman 47 hingga 53 dalam Laporan Tahunan Bersepadu ini atau Laporan Kelestarian 2025.

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan



▲ Top Glove dianugerahkan Platinum Trusted Brand Award dalam kategori Hygiene/Disposable Gloves di Reader's Digest Malaysian Trusted Brand 2025

Perlindungan Generasi Baharu: Sarung Tangan yang Melangkaui Batas

Dengan perkembangan berterusan dalam permintaan keperluan perlindungan, begitu juga sarung tangan kami. Direka dengan ciri-ciri canggih dan reka bentuk yang teliti, rangkaian terbaharu kami melangkah lebih jauh dalam memberikan keselamatan, kelestarian dan prestasi yang wajar diterima oleh pelanggan kami.



Sarung Tangan Pemeriksaan Nitril Kemoterapi

Diuji terhadap 60 jenis ubat kemoterapi, termasuk bahan berisiko tinggi seperti Fentanyl, Xylazine dan Asid Gastrik, sarung tangan ini memberikan perlindungan tiada tandingan untuk para profesional penjagaan kesihatan, menetapkan penanda aras baharu global bagi keselamatan dalam persekitaran perubatan.



Sarung Tangan Nitril Bebas Halogen Bilik Bersih

Direka khusus untuk persekitaran ultra sensitif seperti industri semikonduktor, kenderaan elektrik dan aeroangkasa, sarung tangan ini menyingkirkan unsur halogen berbahaya daripada proses pengeluaran, memastikan tiada pencemaran silang berlaku.



Sarung Tangan Nitril Boleh Terbiodegradasi Biogreen® Diamond Sandblast

Dilengkapi dengan tekstur terbaharu yang dipertingkatkan untuk cengkaman unggul dalam aplikasi industri yang mencabar, sarung tangan ini diformulasi untuk terbiodegradasi dalam keadaan tapak pelupusan yang aktif secara biologi, mengurangkan sisa sarung tangan pakai buang dengan ketara dan menyokong matlamat ESG.



Sarung Tangan Pemeriksaan Nitril ElastiCore™ Bebas Pencepat

Menggabungkan keanjalan dan keselesaan unggul dengan kekuatan yang boleh dipercayai, reka bentuknya yang lembut dan fleksibel mengurangkan keletihan tangan sambil memberikan perlindungan yang berpanjangan. Sarung tangan ini juga bebas daripada protein dan pencepat, meminimumkan risiko alahan. Diuji secara klinikal untuk perlindungan terhadap virus dan cecair, ia memenuhi standard ASTM D6319 dan EN455, memastikan prestasi selamat dan dipercayai untuk kegunaan perubatan.



Sarung Tangan Pemeriksaan Lateks Ringan LiteGuard™

Menawarkan keselesaan ringan dengan sensitiviti sentuhan yang ditingkatkan, sarung tangan ini memberikan pengendalian yang tepat dan dua kali ganda ketahanan terhadap tusukan untuk keselamatan yang lebih baik. Kandungan protein yang rendah membantu meminimumkan risiko alahan Jenis I, manakala reka bentuk ringan dan pematuhan kepada standard EN455 memastikan prestasi yang boleh dipercayai dalam persekitaran perubatan.

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

PANDANGAN MASA DEPAN

Melangkaui Kebangkitan: Bab Baru dalam Pertumbuhan Kami

Di sebalik kebangkitan kami terletak satu bab baru menarik yang menekankan kemajuan berterusan, pelaksanaan strategik dan pertumbuhan yang diperkuh. Setelah dipulihkan kepada keuntungan, Kumpulan kini menumpukan perhatian untuk membina atas kemajuan yang telah dicapai dan mengekalkan momentum yang diperoleh.

Keutamaan strategik Kumpulan pada tahun akan datang akan tertumpu kepada kualiti, kecekapan kos dan keanjalan operasi, membolehkan Kumpulan memenuhi keperluan pelanggan yang berkembang sambil menghadapi cabaran pasaran. Inisiatif berterusan bagi meningkatkan kecekapan, menaik taraf fasiliti dan meningkatkan automasi dijangka dapat memberikan kualiti jangka panjang dan daya saing kos. Sementara itu, jejak pengeluaran Kumpulan yang berlokasi strategik di Malaysia, Thailand dan Vietnam, terus menyediakan fleksibiliti dan daya tahan, terutamanya dalam mengurus perubahan tarif serantau dan risiko rantaian bekalan.

Dengan permintaan sarung tangan yang terus meningkat, Kumpulan berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang jualan tambahan di A.S. dan Eropah, dengan pasaran Eropah disokong oleh pesanan kukuh yang diperoleh bagi 1STK2026. Pembukaan semula sebuah kilang lagi, yang menambahkan kapasiti tahunan sebanyak 2 bilion keping, akan terus meningkatkan kemampuan Kumpulan untuk memenuhi permintaan sarung tangan yang meningkat di seluruh rantau.

Harga bahan mentah dan gas asli dijangka kekal stabil secara amnya. Sementara itu, tahap penggunaan kapasiti operasi semasa, yang sudah mencapai 78% pada Oktober 2025, digabungkan dengan penambahbaikan pengeluaran berterusan, juga akan mendorong pengoptimuman kos dan daya saing yang lebih tinggi. Walaupun fluktuasi harga jualan purata suku tahunan dijangka berlaku berikutan persaingan yang meningkat dan ketidakpastian harga bahan mentah, peningkatan penggunaan kapasiti akan mengurangkan tekanan harga dan mengukuhkan kecekapan kos. Polisi lindung nilai yang konsisten diamalkan oleh Kumpulan juga akan terus menampai pergerakan mata wang, menyokong kestabilan pendapatan.

Kumpulan juga mengiktiraf kelestarian sebagai pemacu utama penciptaan nilai jangka panjang. Kami terus berpegang teguh kepada tadbir urus, amalan beretika dan pertumbuhan yang bertanggungjawab, dengan menerapkan prinsip-prinsip ini ke dalam setiap aspek operasi kami.

Dengan kelebihan daya saing yang lebih tajam, kualiti yang konsisten, struktur kos yang lebih cekap dan budaya penambahbaikan berterusan, Kumpulan memandang ke hadapan dengan positif dan penuh keazaman. Keutamaan kami tetap jelas: untuk mengukuhkan pencapaian terkini, meneruskan pengembangan secara mampan dan memperkuh kedudukan dalam industri sarung tangan global.

Kisah pemulihan kami telah tersusun rapi; manakala kisah pertumbuhan kami, baru meniti permulaannya.

PENGHARGAAN ATAS DEDIKASI, KESETIAAN DAN KETAHANAN

Pemulihan bukanlah hasil usaha seorang diri. Ia digerakkan oleh pasukan yang berdedikasi, dengan keazaman yang tidak goyah dan semangat yang tidak tergugat, yang jelas dipaparkan oleh:



Para warga pekerja kami yang tetap tabah menghadapi cabaran, bekerja dengan tekun untuk mengubah rintangan menjadi kejayaan.



Ahli Lembaga Pengarah kami yang mengemudi dengan berpandangan jauh dan penuh keyakinan, memastikan kami kekal mantap namun tangkas.



Para pelanggan, pembekal, pemegang saham dan pihak berkepentingan kami yang terus menaruh kepercayaan terhadap kami walaupun perjalanan di hadapan tidak menentu, mengingatkan kami bahawa kami tidak menempuh perjalanan ini bersendirian.

Kami amat menghargai sokongan anda semua dan berkongsi kejayaan pemulihan ini bersama anda semua.

Bersama-sama, kita telah bertahan dan berjaya. Kini, kita melangkah ke hadapan untuk membentuk masa depan yang ditentukan oleh pertumbuhan, kecemerlangan dan tujuan.

TAN SRI DR LIM WEE CHAI
Pengerusi Eksekutif
Top Glove Corporation Bhd
25 November 2025

LIM CHEONG GUAN
Pengarah Urusan
Top Glove Corporation Bhd
25 November 2025